

PENGUNAAN SET GARISAN BERKEMBAR SECARA BERPERINGKAT DALAM MEMPERBAIKI KEKEMASAN TULISAN MURID TAHUN EMPAT

Oleh

Mohammad Azzizat Bin Abdillah
azizzat_chess@yahoo.com

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk menilai sejauh mana penggunaan set garisan berkembar secara berperingkat membantu memperbaiki kekemasan tulisan Ray, seorang murid Tahun Empat di samping menambah baik amalan saya dalam pengajaran kemahiran menulis Bahasa Melayu. Penggunaan set garisan berkembar ini dilaksanakan dalam tiga peringkat, yakni menggunakan garisan berkembar yang berbeza pada setiap peringkat. Kaedah pengumpulan data kesan tindakan terdiri daripada pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Data dianalisis menggunakan analisis kandungan. Triangulasi sumber digunakan untuk menyemak data. Analisis kajian menunjukkan bahawa penggunaan set garisan berkembar secara berperingkat berjaya membantu Ray menulis dengan lebih kemas, di samping menambah baik amalan saya dalam pengajaran kemahiran menulis Bahasa Melayu.

Kata kunci: Garisan berkembar, kekemasan tulisan, set garisan berkembar secara berperingkat, murid Tahun Empat, kemahiran menulis

ABSTRACT

This action research was conducted to study the effect of using sets of double lined worksheets in stages to improve Ray's (a Year Four pupil) neatness of handwriting. It also provided an opportunity to improve my teaching of handwriting skills in Malay Language. The sets of double lined worksheets were used in three stages with the usage of different types of double lined worksheets for each stage. Observations, interviews and documents analysis were used to collect data. Data were analyzed through content analysis while triangulation of sources was used for checking data. Analysis of data showed that the usage of sets of double lined worksheets in stages helped Ray to write more neatly as well as contributed to the improvement in my teaching of worksheets writing skill in Malay Language.

Keywords: Double lined worksheets, neatness of handwriting, sets of double lined In stages, Year Four pupil, writing skills

PENGENALAN


Konteks

Saya merupakan guru pelatih di Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. Saya mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan mata pelajaran Bahasa Melayu sebagai major dan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan sebagai Minor 1 manakala Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan sebagai Minor 2.

Saya telah menjalani praktikum Fasa 3 di Sekolah Kebangsaan (SK) Tukul Besi (nama samaran). Kedudukan sekolah ini adalah berhampiran bandar dan merupakan antara sekolah yang terbaik di bahagian Kuching kerana sentiasa mendapat keputusan yang cemerlang dalam setiap peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Murid-murid di sekolah ini merupakan murid bandar dan kebanyakan mereka adalah anak orang yang berada. Saya mengajar Tahun 4 Beta (nama samaran). Murid-murid dalam kelas ini merupakan murid yang sederhana. Sekolah ini membahagikan murid mengikut pencapaian ujian. Setelah saya membuat pemerhatian sepanjang dua minggu saya mengajar dalam kelas tersebut, saya mendapati seorang murid yang bernama Ray (nama samaran) menghadapi masalah dalam menulis ayat dengan kemas dan cantik. Murid ini amat aktif dalam aktiviti sesi soal jawab dan memberi pendapat dalam kelas, tetapi apabila Ray menterjemah apa yang disebut olehnya ke dalam bentuk penulisan, tulisannya sukar untuk dibaca. Maka saya telah memilih Ray sebagai peserta penyelidikan tindakan (PT) ini untuk membantu Ray dalam menulis ayat dengan kemas dan cantik.

Fokus Kajian

Semasa saya menjalani dua fasa praktikum di sekolah yang berbeza, saya mendapati terdapat segelintir murid yang menghadapi masalah untuk menulis dengan kemas dan cantik. Oleh itu, saya cuba untuk menyelesaikan masalah yang sama ketika menjalani praktikum Fasa 3 di SK Tukul Besi apabila saya mendapati isu yang sama dihadapi oleh Ray, salah seorang murid Tahun 4 Beta yang saya ajar. Isu ini saya kenal pasti apabila saya meneliti latihan Ray. Rajah 1 menunjukkan masalah Ray dalam menulis dengan kemas dan cantik.



Rajah 1. Data awal menunjukkan masalah yang dihadapi oleh Ray.

Tambahan pula, atas dasar kesedaran untuk meningkatkan kemahiran mengajar dan memperbaiki kelemahan saya semasa mengajar, saya mengambil keputusan untuk menjalankan penyelidikan tindakan ini.

Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk

- memperbaiki kekemasan tulisan murid Tahun 4 Beta dalam mata pelajaran Bahasa Melayu menggunakan set garisan berkembar secara berperingkat, dan
- menambahbaik amalan saya dalam sesi P&P saya melalui penggunaan set garisan berkembar secara berperingkat dalam membantu murid Tahun 4 Beta mengatasi masalah menulis ayat dengan tidak kemas dan cantik.

Persoalan Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk menjawab persoalan berikut

- Bagaimanakah penggunaan set garisan berkembar secara berperingkat dapat membantu Ray dalam memperbaiki kekemasan tulisannya?
- Bagaimanakah amalan saya dalam P&P untuk kekemasan tulisan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu boleh ditambah baik melalui penggunaan set garisan berkembar secara berperingkat ?

PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN

Saya telah merancang untuk menggunakan set garisan berkembar secara berperingkat untuk membantu Ray mengatasi masalah kekemasan tulisannya. Menurut Roselan Baki (2003), menghasilkan penulisan merupakan suatu proses yang kompleks. Oleh sebab itu, penulisan perlulah dilaksanakan mengikut tahap-tahapnya secara sistematik. Beliau berpendapat murid haruslah melakukan aktiviti ataupun latihan penulisan secara berperingkat ataupun secara sistematik. Jika murid belum menguasai sepenuhnya sesuatu tahap ataupun peringkat latihan ataupun aktiviti penulisan, maka murid tersebut haruslah menguasai tahap kemahiran tersebut terlebih dahulu sebelum bergerak ke tahap seterusnya. Jika murid belum menguasai kemahiran tahap yang rendah, sudah pasti murid menghadapi masalah pada tahap seterusnya dan ini sudah pasti mempengaruhi pencapaian murid.

Saya telah merancang dan melaksanakan tindakan saya dalam kajian ini. Perancangan dan pelaksanaan tindakan tersebut adalah seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1

Pelaksanaan Perancangan Tindakan

Tarikh/ Hari	Masa	Aktiviti
26 Mac 2012	0815-0915	Taklimat ringkas tentang penyelidikan tindakan
27 Mac 2012	0815-0915	Menandatangani surat persetujuan.
28 Mac 2012	10.35-11.35	Membuat latihan kemahiran menulis huruf dengan betul.
29 Mac 2012	0815-0915	Latihan menyalin karangan menggunakan kertas empat garisan berkembar.(peringkat pertama)
30 Mac 2012	0915-1015	Latihan menulis dan membina ayat menggunakan kertas empat garisan berkembar.(peringkat pertama)
3 – 5 April 2012	Kelas Bahasa Melayu	Latihan menulis dan membina ayat menggunakan kertas tiga garisan berkembar.(peringkat kedua)
10 April 2012	0745-0845	Latihan menulis dan membina ayat menggunakan kertas tiga garisan berkembar.(peringkat kedua)
13 April 2012	0915-1015	Latihan menulis dan membina ayat menggunakan kertas dua garisan berkembar.(peringkat ketiga)
17 – 19 April 2012	Kelas Bahasa Melayu	Latihan menulis dan membina ayat menggunakan kertas dua garisan berkembar.(peringkat ketiga)

Saya telah melaksanakan latihan menggunakan garisan berkembar empat pada peringkat pertama bermula 28 Mac 2012 hingga 30 Mac 2012. Pada peringkat ini, saya menjalankan tindakan saya semasa saya mengajar dalam bilik darjah. Bagi peringkat kedua pula, Ray menggunakan garisan berkembar tiga untuk membina ayat bermula 3 April 2012 hingga 10 April 2012. Pada peringkat ketiga, Ray menggunakan garisan berkembar dua pada 13 April hingga 19 April iaitu tarikh terakhir saya melaksanakan tindakan terhadap Ray.

METODOLOGI

Peserta Kajian

Dalam penyelidikan tindakan ini, saya dan Ray merupakan peserta kajian. Ray ialah salah seorang murid Tahun 4 Beta. Ray berumur 10 tahun dan dia merupakan anak bongsu dalam keluarganya. Ray seorang murid yang aktif dalam perbincangan dalam bilik darjah tetapi menghadapi masalah dalam menulis menggunakan tulisan yang kemas dan cantik. Selain itu, Ray merupakan seorang murid yang suka bercakap dengan rakan-rakan yang duduk berdekatan dengan tempat duduknya. Ketika P&P sedang berlangsung, Ray cenderung untuk melihat ke kiri dan ke kanan jika guru tidak memerhatikannya. Ray juga suka berimajinasi iaitu bermain dengan alat-alat tulisnya seperti pensel, pen, pembaris, pemadam dan pengasah pensel. Ray duduk di bahagian paling hadapan kelas. Dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Ray boleh membaca dengan agak lancar dengan menggunakan sebutan dan intonasi yang betul.

Selain Ray, saya adalah peserta kajian kerana penyelidikan tindakan ini dapat menambah baik amalan saya dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Etika Penyelidikan

Saya telah mendapat kebenaran daripada guru besar SK Tukul Besi untuk menjalankan penyelidikan tindakan di sekolah tersebut pada hari pertama melapor diri. Setelah membuat tinjauan awal, saya turut meminta kebenaran daripada Ray untuk melibatkan diri dalam penyelidikan tindakan ini. Rajah 2 menunjukkan surat kebenaran yang telah ditandatangani oleh Ray sebagai tanda persetujuannya untuk menyertai penyelidikan tindakan ini.

SURAT PERSETUJUAN PENYERTAAN DALAM PENYELIDIKAN TINDAKAN

Saya, _____ dari Kelas 4 Beta SK Tukul Besi bersetuju/ tidak bersetuju (✓) untuk terlibat sebagai peserta dalam penyelidikan tindakan ini. Saya memahami bahawa saya perlu terlibat dalam semua aktiviti dalam penyelidikan tindakan ini. Saya membenarkan penyidik membuat rakaman audio, video ataupun tangkapan gambar-gambar untuk tujuan penyelidikan tindakan. Saya turut memahami pandangan, maklum balas dan hasil kerja saya akan digunakan dalam penulisan laporan penyelidikan tindakan. Pada masa yang sama, saya difahamkan saya boleh menarik diri pada bila-bila masa sepanjang pelaksanaan penyelidikan tindakan ini. Saya memahami segala maklumat peribadi saya akan dirahsiakan.

(Tandatangan)
Nama: _____
Tarikh: 23 Mac 2012

Rajah 2. Surat persetujuan Ray untuk menyertai penyelidikan tindakan.

Teknik Mengumpul Data

Saya telah menggunakan kaedah pengumpulan data berbentuk dokumen seperti lembaran kerja. Setiap lembaran kerja yang diberikan kepada Ray disimpan dalam bentuk fail untuk memudahkan saya membuat rujukan dan merancang tindakan yang selanjutnya.

Saya juga telah mengumpul data dengan menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur untuk memperoleh maklum balas daripada Ray tentang tindakan-tindakan yang saya ambil dalam kajian ini. Rajah 3 menunjukkan Contoh transkrip temu bual antara saya dan Ray pada 29 Mac 2012.

Saya	:	Ray sihat?
Ray	:	Sihat jak. (terjemahan: Sehat sahaja.)
Saya	:	Adakah susah latihan yang cikgu berikan kepada awak?
Ray	:	Sik susah ilak. Senang jak.(terjemahan: Tidak susah sangat. Senang sahaja.)
Saya	:	Adakah lembaran garisan berkembar empat membantu Ray ketika menulis?
Ray	:	Aok. Tulisan kamek makin kacak. Tapi tulisan sik jelas ilak sebab garisan di tengah ya. (terjemahan: Ya. Tulisan saya semakin kemas. Tetapi tulisan tidak jelas disebabkan garisan yang berada di tengah.)
Saya	:	Garisan yang mana satu?
Ray	:	Garisan tok.(Sambil menunjuk pada garisan di tengah garisan berkembar empat.) (terjemahan: Garisan ini.)

Rajah 3. Transkrip temu bual antara saya dan Ray pada 29 Mac 2012.

Kaedah pemerhatian turut saya gunakan melalui catatan nota lapangan ketika tindakan dilakukan terhadap Ray. Rajah 4 merupakan catatan nota lapangan pada 29 Mac 2012.

Tarikh	: 29 Mac 2012
Masa	: 8.20 pagi
Tempat	: Bilik Darjah
Aktiviti	: Membina ayat
Catatan	
	<ul style="list-style-type: none">• Terpinga-pinga apabila diberi lembaran kerja kertas garisan berkembar empat.• Melihat rakan disebelah untuk melihat bagaimana cara menulis dengan betul di atas kertas tersebut.• Mula menulis apabila menyedari dia sedang diperhatikan oleh guru.
	<u>Catatan tambahan/ idea/ penambahbaikan</u>
	<ol style="list-style-type: none">1) Oleh sebab Ray tidak memahami cara bagaimana untuk menulis di atas kertas garisan berkembar empat, saya memanggilnya ke bilik guru untuk menerangkan kepadanya cara menulis dengan betul di atas kertas tersebut.2) Penemuan terbaharu- Tulisan Ray kelihatan lebih kemas dan cantik berbanding sebelum ini.3) Latihan seterusnya mungkin latihan menulis ayat berdasarkan perkataan yang telah dipilih oleh guru.

Rajah 4. Catatan nota lapangan pada 29 Mac 2012.

Teknik Menganalisis Data


Saya telah menggunakan kaedah analisis kandungan untuk menganalisis data yang saya perolehi daripada Ray iaitu hasil lembaran kerja, temu bual bersama Ray dan juga catatan nota lapangan. Jadual 2 merupakan jadual kriteria pemberian grad yang dibina khas untuk menganalisis lembaran kerja Ray.

Jadual 2

Kriteria Pemberian Gred

Tulisan	Gred A	Gred B	Gred C
Kecondongan tulisan (bukan tulisan berangkai)	Baik. Penghasilan tulisan tidak mempunyai sebarang kecondongan	Sederhana. Penulisan yang dihasilkan murid sederhana kerana masih terdapat kecondongan dalam penulisan mereka	Lemah. Keseluruhan hasil penulisan huruf murid condong dan terlalu condong.
Perkataan terlalu rapat	Baik. Perkataan-perkataan yang dihasilkan dalam penulisan tidak terlalu rapat.	Sederhana. Masih terdapat perkataan-perkataan yang ditulis terlalu rapat dalam sesuatu penulisan	Lemah. Keseluruhan perkataan dalam sesuatu penulisan ditulis dengan rapat.
Huruf-huruf terlalu jauh	Baik. Keseluruhan huruf-huruf yang dihasilkan dalam satu penulisan tidak mempunyai sebarang huruf-huruf yang terlalu dekat dan mempunyai jarak yang sesuai antara huruf-huruf.	Sederhana, masih terdapat perkataan-perkataan yang ditulis terlalu rapat dalam sesuatu penulisan	Lemah. Keseluruhan huruf-huruf dalam sesuatu penulisan ditulis terlalu jauh.
Huruf menyerupai huruf lain	Baik. Tiada sebarang huruf yang memnyerupai huruf lain dalam sesuatu penulisan.	Sederhana. Masih terdapat huruf yang menyerupai huruf lain dalam sesuatu penulisan.	Lemah. Keseluruhan huruf dalam sesuatu penulisan selalu atau kerap diulang kesalahannya dalam sesuatu penulisan.

Kriteria pemberian gred ini digunakan untuk menilai kekemasan tulisan Ray bagi setiap hasil kerja Ray. Rajah 5 menunjukkan satu contoh pemberian gred untuk hasil kerja Ray bertarikh 30 Mac 2012 berdasarkan Jadual 2.



Rajah 5. Pemberian gred untuk hasil kerja Ray bertarikh 30 Mac 2012.

Teknik Menyemak Data

Saya telah menggunakan kaedah triangulasi sumber untuk menyemak data yang telah saya peroleh iaitu gred hasil kerja Ray. Saya telah meminta guru pembimbing saya iaitu puan Ros untuk menyemak hasil kerja Ray dan saya membandingkan semakan beliau dengan hasil semakan saya. Rajah 6 menunjukkan hasil semakan saya dan Puan Ros untuk hasil kerja Ray bertarikh 19 April 2012.

Tulisan	Gred
Kecondongan tulisan (bukan tulisan bersegiempat)	B
Perkataan terlalu rapat.	B
Huruf-huruf terlalu jauh.	B
Huruf menyerupai huruf lain.	A
Gred keseluruhan	B

Semakan oleh saya

Tulisan	Gred
Kecondongan tulisan (bukan tulisan bersegiempat)	B
Perkataan terlalu rapat.	B
Huruf-huruf terlalu jauh.	A
Huruf menyerupai huruf lain.	A
Gred keseluruhan	B

Semakan oleh Puan Ros

Rajah 6. Pemberian gred oleh saya dan Puan Ros terhadap hasil kerja Ray bertarikh 19 April 2012

REFLEKSI

Refleksi Dapatan

- Bagaimanakah penggunaan set garisan berkembar secara berperingkat dapat membantu Ray dalam memperbaiki kekemasan tulisannya?

Saya telah melaksanakan tiga peringkat penggunaan set garisan berkembar secara berperingkat. Rajah 7 menunjukkan hasil kerja Ray menggunakan garisan berkembar empat pada peringkat pertama.

Tulisan	Gred
Kecondongan tulisan (bukan tulisan bersegiempat)	A
Perkataan terlalu rapat.	A
Huruf-huruf terlalu jauh.	A
Huruf menyerupai huruf lain.	A
Gred keseluruhan	A

Gred keseluruhan kekemasan tulisan ialah 'A' iaitu sangat baik.

Rajah 7. Hasil kerja Ray menggunakan garisan berkembar empat pada 30 Mac 2012.

Kekemasan tulisan Ray sangat baik apabila menulis di atas garisan berkembar empat pada peringkat pertama tindakan.

Rajah 8 merupakan hasil kerja Ray menggunakan garisan berkembar tiga pada peringkat kedua.

Tulisan		Gred
Kecondongan berangkai	Tulisan (bukan tulisan)	A
Perkataan terlalu rapat.		A
Huruf-huruf terlalu jauh.		B
Huruf menyempal huruf lain.		A
Gred keseluruhan		A

Gred keseluruhan keemasan tulisan Ray ialah 'A' iaitu sangat baik.

Rajah 8. Hasil kerja Ray menggunakan garisan berkembar tiga pada 3 April 2012.

Terdapat sedikit perubahan pada keemasan tulisan Ray apabila menulis di atas garisan berkembar tiga iaitu semakin tidak kemas. Terdapat beberapa huruf dalam satu perkataan ditulis terlalu jauh. Walau bagaimanapun, gred keseluruhan hasil kerja Ray masih lagi pada tahap sangat baik.

Rajah 9 merupakan hasil kerja Ray menggunakan garisan berkembar dua pada peringkat ketiga iaitu tindakan terakhir yang saya tadbirkan untuk Ray.

Tulisan		Gred
Kecondongan berangkai	Tulisan (bukan tulisan)	B
Perkataan terlalu rapat.		B
Huruf-huruf terlalu jauh.		B
Huruf menyempal huruf lain.		A
Gred keseluruhan		B

Gred keseluruhan keemasan tulisan Ray ialah 'B' iaitu sederhana.

Rajah 9. Hasil kerja Ray menggunakan garisan berkembar dua pada 19 April 2012.

Didapati terdapat perubahan yang ketara pada keemasan tulisan Ray iaitu pada akhir tindakan yang saya laksanakan tulisannya lebih kemas berbanding tulisannya pada sebelum tindakan dilaksanakan. Walaupun tulisan Ray pada akhir tindakan kurang memuaskan, namun perubahan pada tulisannya menunjukkan bahawa penggunaan set garisan berkembar secara berperingkat berjaya membantunya dalam memperbaiki keemasan tulisannya.

- **Bagaimanakah amalan saya dalam P&P untuk kekemasan tulisan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu boleh ditambah baik melalui penggunaan set garisan berkembar secara berperingkat ?**

Pertama sekali, saya amat bersyukur kerana dapat menjalani praktikum selama tiga bulan. Ini disebabkan dalam tempoh yang agak panjang ini, saya akhirnya berpeluang untuk melaksanakan penyelidikan tindakan untuk mengatasi masalah kekemasan tulisan murid Tahun Empat. Pada masa yang sama, saya berpeluang menambah baik amalan saya dalam P&P untuk kemahiran menulis.

Pada peringkat awal, saya menghadapi masalah dalam memilih tajuk ataupun isu masalah yang dihadapi oleh murid yang diajar oleh saya. Apabila saya melakukan latihan dalam kemahiran menulis, iaitu membuat karangan tentang hobi, maka saya mendapati seorang murid menghadapi masalah untuk menulis dengan kemas dan cantik. Oleh sebab hanya murid tersebut sahaja menghadapi masalah dalam kemahiran menulis, maka saya telah bertekad untuk membantu murid tersebut untuk memperbaiki kekemasan tulisannya.

Saya mula membuat penyelidikan dan mencari jalan untuk mengatasi isu tulisan murid tersebut. Saya tertarik dengan penggunaan garisan berkembar hasil pembacaan ke atas kajian-kajian lepas dan juga bahan tinjauan literatur. Berdasarkan pembacaan tersebut saya telah memilih untuk menggunakan set garisan berkembar secara berperingkat untuk memperbaiki kekemasan tulisan murid Tahun Empat. Saya mula merancang dan menggabungkan tiga jenis garisan untuk dilaksanakan secara berperingkat.

Sebelum ini, saya pernah menggunakan garisan berkembar empat dalam membantu murid yang menghadapi masalah dalam kemahiran menulis tetapi tidak berkesempatan melaksanakan tindakan untuk membantu murid tersebut. Dengan menggunakan set garisan berkembar secara berperingkat ini saya sudah pasti dapat membantu peserta kajian dalam mengatasi masalah yang dihadapinya di samping dapat membantu murid-murid yang lain menulis dengan lebih kemas.

Perancangan yang sistematik dan terancang dalam melaksanakan tindakan juga memberi peluang kepada saya untuk memperbaiki pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran saya disamping melakukan inovasi serta penambahbaikan pada setiap aktiviti yang dijalankan di dalam bilik darjah. Penggunaan set garisan berkembar secara berperingkat ini membantu saya dalam mereka bentuk latihan yang melibatkan kemahiran menulis. Sebelum ini, saya hanya menggunakan garisan berkembar dua bagi setiap latihan yang melibatkan aktiviti menulis. Sekarang, saya mengetahui bahawa penggunaan garisan berkembar yang boleh digunakan di dalam latihan bukan sahaja garisan berkembar dua tetapi boleh juga menggunakan garisan berkembar yang lain mengikut kesesuaian tahap kemahiran menulis murid.

Penambahbaikan yang dilaksanakan bagi setiap kali langkah dan aktiviti yang dijalankan juga membuatkan saya lebih kreatif dalam merangka aktiviti yang berkaitan dengan kemahiran menulis supaya murid tidak bosan dengan aktiviti yang sama sahaja. Pengubahsuaian yang dilakukan bagi membantu murid yang menghadapi masalah kemahiran menulis juga menyebabkan saya sedar bahawa

perancangan aktiviti yang dilakukan haruslah mengambil kira faktor-faktor seperti tahap kognitif dan kemahiran semua murid supaya tidak terdapat murid yang terpinggir ataupun diabaikan apabila sesi pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan.

Refleksi Penilaian Tindakan

Penyelidikan merupakan ilmu pengetahuan dan kemahiran baharu yang saya pelajari dan aplikasikan dalam amalan pengajaran dan situasi pembelajaran murid-murid semasa menjalani praktikum fasa tiga dan "internship" di sekolah. Saya dapat merenung kembali amalan baharu dan juga tindakan yang telah saya laksanakan sepanjang pelaksanaan penyelidikan tindakan ini. Ini membolehkan saya meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam isu keprihatinan yang dikaji di samping menambah baik amalan kualiti dan tindakan baharu sendiri dan situasi pembelajaran murid-murid Tahun 4 Beta.

Kaedah set garisan berkembar secara berperingkat ini mempunyai kelebihan dan kelemahan tersendiri dalam memperbaiki kekemasan tulisan. Kekuatan set garisan berkembar secara berperingkat ini ialah ia mampu mengatasi masalah kekeliruan dalam menulis huruf kecil dan huruf. Dengan menggunakan tiga jenis garisan berkembar dalam tiga peringkat yang berbeza dapat mengatasi masalah tulisan yang terlalu besar atau terlalu kecil dapat diatasi kerana murid menggunakan tiga jenis garisan mengikut peringkat. Maka, tulisan murid pada akhirnya akan mengikut saiz yang sepatutnya ditulis pada garisan berkembar dua yang digunakan dalam semua latihan yang melibatkan kemahiran menulis. Dengan menggunakan set garisan berkembar ini juga, ketekalan perubahan tulisan murid dapat dilihat. Kenyataan ini menyokong pendapat Roselan Baki (2003) iaitu penghasilan penulisan adalah sangat kompleks dan perlu melalui tahap-tahap yang sistematis. Setelah melalui ketiga-tiga peringkat penggunaan garisan berkembar yang berbeza, tulisan Ray semakin kemas dan cantik biarpun bukan pada tahap yang optimum. Kebarangkalian untuk murid mengekalkan kekemasan tulisan yang sama pada garisan berkembar yang berbeza adalah sangat rendah. Ini mungkin disebabkan murid sudah biasa menulis menggunakan garisan yang dianggap lebih mudah untuk menulis seperti garisan berkembar empat. Kelebihan penggunaan set garisan berkembar ini juga ialah dapat dilaksanakan pada semua tahap kecerdasan murid iaitu boleh dilaksanakan untuk murid yang lemah, sederhana dan bijak.

Kelemahan penggunaan set garisan berkembar secara berperingkat ialah faktor tatabahasa kurang dititikberatkan. Ini sudah pasti akan menimbulkan masalah apabila murid menulis ayat ketika membuat karangan dan membina ayat kerana faktor yang dititikberatkan dalam penggunaan set garisan berkembar secara berperingkat ini adalah kekemasan tulisan murid. Faktor yang perlu diambil kira ketika merangka perancangan ini adalah dari sikap dan emosi peserta kajian. Jika hanya guru sahaja berusaha untuk membantu peserta kajian tetapi peserta kajian sendiri tidak berusaha untuk memperbaiki diri, maka semua tindakan yang dilaksanakan kepadanya tidak bermakna.

Refleksi Pembelajaran Kendiri

Selaku guru dalam era globalisasi ini, saya perlu mempersiapkan diri dan bersedia menyesuaikan diri dengan perubahan dalam dunia pendidikan yang penuh dengan cabaran. Saya sedar bahawa sekiranya murid-murid tidak dapat mengikuti isi kandungan pelajaran, maka guru perlu menggunakan kaedah lain yang sesuai untuk mereka dan bukannya berputus asa dan mengabaikan mereka. Setiap individu mempunyai hak dan peluang pendidikan yang sama rata dan bukannya diabaikan apabila tidak dapat menguasai kemahiran yang diajar. Golongan minoriti ini haruslah diberi perhatian supaya mereka tidak ketinggalan dari segi pendidikan.


Pelaksanaan penyelidikan tindakan ini telah mendedahkan saya tentang kepentingan seorang guru Bahasa Melayu haruslah prihatin terhadap kemahiran-kemahiran asas yang perlu murid kuasai iaitu kemahiran menulis, kemahiran membaca dan kemahiran mendengar dan bertutur. Kebanyakan guru tidak sedar bahawa penguasaan murid dalam kemahiran-kemahiran ini juga mempengaruhi murid tersebut dalam mata pelajaran lain yang dipelajari oleh mereka di sekolah. Jika murid tidak menguasai sepenuhnya kemahiran ini, maka guru Bahasa Melayu akan dipersalahkan oleh ibu bapa dan guru mata pelajaran yang lain kerana gagal melatih murid menguasai kemahiran asas ini.

Hasil kajian ini juga menyedarkan saya bahawa murid yang menghadapi masalah dari segi pembelajaran boleh dibantu jika guru memberi perhatian terhadap permasalahan yang dihadapi oleh murid. Seorang guru yang bertanggungjawab akan membantu dan membimbing murid yang diajarnya agar tidak terpinggir daripada murid-murid yang lain dan tidak berasa diabaikan kerana memiliki kekurangan.

Saya sendiri lebih matang dalam amalan pengajaran. Saya memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk membuat kajian pada masa depan ataupun meneruskan pengajian tinggi misalnya diperingkat sarjana dan juga doktor falsafah. Penyelidikan tindakan ini bukan sahaja membantu saya meningkatkan kemahiran P&P Bahasa Melayu, malah meningkatkan kemahiran mengakses sumber, mengumpul, menganalisis dan menginterpretasi data yang dikumpul begitu juga dengan kemahiran menulis laporan dan artikel bentuk akademik dalam meningkatkan amalan profesional selaku guru dan penyelidik pada masa akan datang. Penyelidikan tindakan menambah pengalaman dan kemahiran P&P saya kerana diberi peluang menjadi penyelidik dan peserta kajian yang berupaya menilai dan menambah baik tindakan dan amalan sendiri.

Cadangan tindakan untuk kitaran seterusnya

Saya berhasrat untuk melanjutkan kajian ini untuk kitaran yang seterusnya sekiranya saya berdepan dengan isu pembelajaran yang sama. Saya ingin menggunakan warna bagi setiap garisan berkembar. Warna yang berlainan akan membezakan kegunaan garisan tersebut apabila murid menulis pada garisan tersebut. Rajah 10 merupakan contoh garisan berkembar empat yang mempunyai warna yang berbeza bagi setiap garisan.



Rajah 10. Garisan berkembar empat yang mempunyai warna yang berbeza.

Garisan yang berwarna merah dan biru merupakan kawasan yakni ruang huruf ditulis untuk huruf besar dan huruf kecil. Ruang antara garisan biru dan kawasan hijau merupakan ruang bagi ekor bagi huruf yang mempunyai ekor seperti 'g'. Murid tidak boleh menulis huruf melebihi garisan merah.

Garisan pelbagai warna dapat membantu murid menulis dengan lebih baik. Set garisan berkembar berwarna ini juga akan dilaksanakan secara berperingkat iaitu sebanyak tiga peringkat. Peringkat pertama, murid akan menulis menggunakan garisan berkembar empat. Pada peringkat kedua, garisan hijau akan dibuang dan murid akan menggunakan garisan berkembar tiga. Pada peringkat terakhir iaitu peringkat ketiga, murid akhirnya hanya akan menulis menggunakan garisan biru dan merah.

Bagi mengatasi masalah kekeliruan menulis menggunakan garisan berkembar ini, saya menerangkan kepada murid serta memberikan contoh bagaimana menulis menggunakan garisan berkembar tersebut pada peringkat awal. Saya juga akan menggunakan kaedah ansur maju untuk memastikan murid menguasai sepenuhnya peringkat pertama iaitu menulis di atas garisan berkembar empat sebelum beralih ke peringkat kedua iaitu menulis pada garisan berkembar tiga. Ini adalah untuk memastikan ketekalan kekemasan tulisan murid supaya tidak menjadi semakin tidak kemas apabila menulis di atas garisan berkembar yang berbeza.

Saya juga akan mempertimbangkan pengubahsuaian set garisan berkembar ini dari semasa ke semasa agar dapat memperbaiki tulisan murid secara optimum.

BIBLIOGRAFI

- Abd. Aziz Abd. Talib. (2007). *Pedagogi Bahasa Melayu: Prinsip, kaedah dan teknik (Edisi 4)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Roselan Baki. (2003). *Kaedah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publication.
- Ahmad Durani Suip.(2010). Memperbaiki Kekemasan Tulisan Murid Tahun 3 Melalui Kaedah Penulisan Berperingkat. *Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan 2010 IPG Kampus Batu Lintang*, 27-36.
- Kamarudin Husin. (1988). *Pedagogi bahasa*. Kuala Lumpur: Longman.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1999). *Buku Panduan Guru, Bahasa Malaysia Tahun 4*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Khalid Mohamed Nor. (1993). *Kaedah pembelajaran berkesan*. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003). *Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Bahasa Melayu Tahun 4*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.